

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.98

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah dan kandungan aduan yang telah diterima oleh TNB dan Suruhanjaya Tenaga mengenai isu "*Smart Meter*" dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada bulan Mei 2019, Suruhanjaya Tenaga telah menerima sebanyak 100 aduan berkaitan *smart meter*, dengan izin. Aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Tenaga adalah berkenaan isu peningkatan bil elektrik yang tinggi akibat dari penukaran meter sedia ada kepada *smart meter*.
2. TNB pula telah menerima sebanyak 4,219 aduan berkaitan *smart meter* antara bulan Januari 2019 hingga Jun 2019. Antara jenis aduan yang diterima daripada pengguna terlibat adalah berkenaan penerimaan bil elektrik yang tinggi, penerimaan bil elektrik anggaran,

permohonan untuk pengujian semula meter serta permohonan untuk mendapatkan bacaan semula meter.

3. Susulan itu, pihak ST telah mengambil langkah menjalankan siasatan terhadap 34 aduan berkaitan bil elektrik yang tinggi disebabkan oleh *smart meter* di premis pengguna. Pemeriksaan kejituan *smart meter* telah dijalankan bagi kesemua meter tersebut dan didapati kejituan meter bagi kesemua meter tersebut adalah dalam julat yang dibenarkan seperti mana dalam Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) bukan berpunca daripada pemasangan *smart meter*. Punca sebenar adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019. Terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna berkenaan.

5. Aduan pengguna ke atas TNB sentiasa boleh dirujuk kepada pihak ST melalui laman web aduan.st.gov.my, emel eaduan@st.gov.my dan telefon 03-8870 8800.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 99

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil dapatan pandangan orang awam yang dibuat oleh PTPTN, dan apakah sudah terdapat cadangan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah hutang peminjam yang tertunggak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mengenai Skim Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah disediakan dan telah dipaparkan untuk mendapat cadangan serta pandangan rakyat mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 di laman sesawang PTPTN.

Dapatan daripada KKR ini akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan diguna pakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.